

PM syor semai nilai moral, etika positif

DARI MUKA 1

jaan atau sektor swasta," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika itu dapat dilakukan, sekurang-kurangnya peluang untuk gagal dapat dikurangkan sekalipun kejayaan belum dapat dijamin sepenuhnya.

Menurutnya, memang tidak dapat dinafikan bahawa amalan etika yang baik boleh mengelak kegagalan sama ada bagi jangka pendek atau jangka panjang.

"Kita tahu negara-negara yang rasuah berleluasa, tidak bergerak dan tidak ada harapan. Dan tidak kurang juga negara yang bermoral tinggi menemui kegagalan.

"Bagaimanapun, sejarah membuktikan moral dan etika tinggi memberi sumbangan positif ke arah kemajuan rakyat, negara dan empayar yang luas," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, nilai etika masyarakat berubah mengikut masa dan kebiasaannya dipengaruhi oleh keadaan persekitaran yang sekaligus memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

Menurutnya, yang jelas nilai etika sangat penting dan tidak boleh diabaikan mengikut proses semula jadi untuk disemai dalam masyarakat.

"Nilai etika perlu dikaji dan diteliti secara menyeluruh serta disemai sebaik mungkin jika mampu mewujudkan masyarakat yang maju," katanya.

Dr Mahathir berkata, sebelum ini beliau menekankan mengenai sembelan cabaran utama di kenal pasti ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara maju, termasuk mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika tinggi.

Menurutnya lagi, selain menumpukan kepada nilai etika, cara pelaksanaan dan amalnya mesti ditapis yang seterusnya diikuti dengan tindakan memperbetulkannya.

Katanya, dalam perniagaan satu nilai etika yang penting ialah kepercayaan dalam pengurusan kerana tiada seorang boleh menjalankan semua tugas.

"Semua orang daripada

Semai nilai moral, etika positif

B.H 29 JUL 1993

KUALA LUMPUR, Rabu — Nilai moral dan etika positif perlu disemai di kalangan masyarakat bagi memastikan kejayaan Wawasan 2020 menjadikan Malaysia negara maju, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, nilai etika sedemikian harus ditanam dalam masyarakat dan kumpulan tertentu yang memainkan fungsi penting dalam proses pembangunan negara bagi manfaat jangka panjang.

Katanya, kumpulan yang boleh menyumbang ke arah itu termasuk pengurus, eksekutif dan kalangan profesional.

"Sekarang nampak ke-

cenderungan untuk memberi perhatian kepada kualiti atau nilai etika saja, tetapi ia tidak mungkin mendatangkan hasil yang baik," katanya berucap pada majlis makan malam Kelab Harvard, di sini malam ini.

Sehubungan dengan itu, Dr Mahathir berkata, kerja keras dianggap sebagai sesuatu yang baik, tetapi jika ia dibuat untuk melakukan sesuatu yang salah, sudah tentu tidak menghasilkan sesuatu yang baik.

Menurutnya, apa yang diperlukan adalah satu bentuk nilai yang bersepadu serta menyeluruh seperti keazaman, kejujuran, kesabaran, disiplin dan kemampuan untuk

bekerja dengan orang lain.

Namun begitu, katanya, tidak semua nilai ini dimiliki seseorang. Begitupun, seseorang individu atau negara secara keseluruhan boleh berjaya tanpa perlu mempraktikkan etika yang baik.

Katanya, nilai etika perlu diajar dan disemai di kalangan masyarakat bagi membolehkan Malaysia mencapai kemajuan dalam pelbagai aspek.

"Dan usaha itu perlu ditujukan kepada kalangan yang terbabit secara langsung dalam pembangunan negara iaitu eksekutif sama ada di pihak kera-

LIHAT MUKA 2 ✓